



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 26 Mac 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

**MAKLUMAN PENANGGUHAN SEMENTARA PERKHIDMATAN KEMUDAHAN
RAWATAN PESAKIT DALAM (*INPATIENTS*) DI HOSPITAL SWASTA DAN PESAKIT
LUAR (*OUTPATIENTS*) DI KLINIK SWASTA**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, perkhidmatan pengurusan rawatan perubatan oleh vendor yang dilantik buat masa ini akan tamat pada 31 Mac 2021. Bermula pada 16 April 2021, pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan menggunakan perkhidmatan pengurusan rawatan baharu bagi menguruskan kemudahan rawatan pesakit dalam (*inpatient*) dan pesakit luar (*outpatient*) bagi perkhidmatan di hospital dan klinik swasta.

3. Sehubungan dengan itu, dalam tempoh dua (2) minggu (1 April 2021 sehingga 15 April 2021) sebelum pihak pengurusan rawatan perubatan baharu berkuatkuasa, pihak LGM sedang dalam proses memuktamadkan pemilihan vendor yang bakal dilantik bagi memastikan pengurusan kemudahan perubatan dapat disediakan dengan lancar. Dalam tempoh peralihan tersebut, beberapa kemudahan sedia ada adalah ditangguhkan buat sementara.

4. Berikut adalah prosedur yang akan dijalankan dalam tempoh tersebut iaitu bermula daripada 1 April 2021 sehingga 15 April 2021:

BIL	PERKARA	ARAHAN	CATATAN
1.	Perkhidmatan Pesakit Dalam/ Kemudahan Rawatan Kemasukan Wad/ <i>Inpatients</i> di Hospital Swasta	Perkhidmatan ditangguhkan dan semua anggota LGM serta tanggungan disarankan untuk menggunakan perkhidmatan di Hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) KECUALI bagi kes-kes kecemasan.	Sekiranya ada kes kecemasan yang memerlukan rawatan segera, di Hospital Swasta, mohon untuk menghubungi pihak UPSM: i. KUPSM ii. En.Syed Zahirruddin bin Syed Zakaria (Pegawai Seksyen Khidmat Pekerja) iii. Pn.Fazilatul Adilah binti Adenan (Seksyen Khidmat Pekerja)

BIL	PERKARA	ARAHAN	CATATAN
2.	Rawatan Pesakit Luar/ <i>Outpatients</i> di klinik swasta	Anggota LGM yang mendapatkan rawatan di klinik swasta perlu membuat bayaran sendiri terlebih dahulu dan tuntutan rawatan boleh dimajukan kepada <i>UPSM (Pay and Claim)</i> dengan dilampirkan bersama resit pembayaran asal.	
3.	Rawatan Pesakit Luar/ <i>Outpatients</i> di klinik pergigian	Anggota LGM yang mendapatkan rawatan di klinik pergigian swasta perlu membuat bayaran sendiri terlebih dahulu dan tuntutan rawatan boleh dimajukan kepada <i>UPSM (Pay and Claim)</i> dengan dilampirkan bersama resit pembayaran asal.	

5. Pendahuluan akan disalurkan kepada setiap Bahagian/Unit/Stesen/Pejabat Wilayah, dan mana-mana anggota yang memerlukan wang pendahuluan untuk rawatan pesakit luar (*outpatients*) di klinik swasta atau klinik pergigian serta perlu berhubung dengan Setiausaha/Pembantu Setiausaha unit masing-masing sepanjang tempoh peralihan tersebut.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k.: Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian